



## Domestic and Family Violence Visa Support

### Senarai semak visa anda

#### Tahukah anda status visa anda?

Status visa dapat diperiksa dalam talian melalui Visa Entitlement Verification Online (VEVO - Pengesahan Kelayakan Visa Dalam Talian). VEVO menyatakan visa apa yang anda miliki, bila tamat tempoh dan syarat visa anda.

Jika perlu bantuan untuk mengakses VEVO, hubungi Department of Home Affairs (Jabatan Hal Ehwal Dalam Negeri) 131 881.

**Laman sesawang:**  
[immi.homeaffairs.gov.au/visas/already-have-a-visa/check-visa-details-and-conditions/overview](https://immi.homeaffairs.gov.au/visas/already-have-a-visa/check-visa-details-and-conditions/overview)

#### Dapatkah anda mengakses dokumen pengenalan diri?

Dapatkah anda mengakses pasport anda? Anda dapat menghubungi konsulat atau kedutaan negara anda jika memerlukan bantuan. Kami juga mungkin meminta dokumen peribadi lain untuk menyokong permohonan visa.

**Laman sesawang:**  
[protocol.dfat.gov.au/Public/MissionsInAustralia](https://protocol.dfat.gov.au/Public/MissionsInAustralia)

#### Adakah anda mempunyai ImmiAccount sendiri?

Penting anda membuat [ImmiAccount](#) anda sendiri untuk berkomunikasi dengan Jabatan tentang permohonan visa. Jika anda pemohon atau pemegang visa pasangan, permohonan visa yang menunggu kelulusan boleh dipindah keluar daripada mana-mana ImmiAccount yang lain. Untuk melakukannya, lakukan kedua-dua perkara berikut:

- Buat ImmiAccount anda sendiri
- Lengkapkan ImmiAccount Technical Support Form (Borang Sokongan Teknikal ImmiAccount) dalam talian, untuk meminta supaya permohonan anda dipindah keluar daripada ImmiAccount ejen atau penaja, ke dalam akaun baharu anda.

Kata laluan anda juga harus ditukar.

**Laman sesawang:** [online.immi.gov.au](https://online.immi.gov.au)

#### Sudahkah anda mengemas kini butiran peribadi anda dalam simpanan kami?

Penting kami mempunyai butiran hubungan yang kemas kini, seperti nombor telefon dan alamat rumah atau peti surat anda.

Butiran anda dapat dikemas kini dalam ImmiAccount anda atau beritahu kami dengan mengirimitkan borang perubahan butiran hubungan/pasport. Dengan cara ini, anda memastikan surat-menyurat kami akan diterima.

**Laman sesawang:** [immi.homeaffairs.gov.au/form-listing/forms/929.pdf](https://immi.homeaffairs.gov.au/form-listing/forms/929.pdf)

Australia Post menawarkan akses Peti Surat percuma sehingga 22 bulan untuk mangsa keganasan rumah tangga, supaya dapat terus dihubungi dan surat menyurat akan diterima.

**Laman sesawang:**  
[auspost.com.au/receiving/manage-your-mail/redirect-hold-mail/redirect-mail/free-mail-redirection-and-po-boxes](https://auspost.com.au/receiving/manage-your-mail/redirect-hold-mail/redirect-mail/free-mail-redirection-and-po-boxes)

#### Adakah sesiapa yang membantu anda dalam urusan imigresen?

Anda boleh meminta bantuan untuk mendapatkan nasihat penghijrahan, dan bantuan untuk memohon visa jika perlu. Jika orang itu ejen migrasi atau pengamal undang-undang, mereka mestilah berdaftar. Terdapat senarai ejen berdaftar di laman sesawang Department of Home Affairs.

**Laman sesawang:** [immi.homeaffairs.gov.au/help-support/who-can-help-with-your-application/overview](https://immi.homeaffairs.gov.au/help-support/who-can-help-with-your-application/overview)

Bantuan undang-undang percuma juga disediakan oleh pembekal khidmat undang-undang pakar jika anda memerlukan nasihat penghijrahan.

**Laman sesawang:** [familyviolencelaw.gov.au/](https://familyviolencelaw.gov.au/)

*Ingat, hubungi 000 jika ada yang cedera parah atau memerlukan rawatan segera, jika ada yang terancam nyawanya, atau anda menyaksikan sesuatu kejadian. Polis di Australia boleh dipercayai. Semua panggilan adalah percuma.*

**Adakah anda memerlukan bantuan untuk memahami penerangan kami?**

Translating and Interpreting Service (TIS National - Khidmat Penterjemahan dan Jurubahasa) menyediakan khidmat kejurubahasaan untuk mereka yang tidak berbahasa Inggeris. Hubungi khidmat ini di 131 450.

**Laman sesawang:** [tisonational.gov.au/](http://tisonational.gov.au/)

**Adakah anda menjaga keselamatan dalam talian?**

Gunakan senarai semak keselamatan dalam talian Pesuruhjaya eSafety untuk membantu mengenal pasti langkah yang dapat diambil supaya keselamatan peribadi anda ditingkatkan dan anda dapat terus menggunakan teknologi untuk dihubungi.

**Laman sesawang:** [esafety.gov.au/key-issues/domestic-family-violence/online-safety-planning/online-safety-checklist](http://esafety.gov.au/key-issues/domestic-family-violence/online-safety-planning/online-safety-checklist)

**Adakah anda menyimpan rekod?**

Sebaiknya simpan rekod apa yang berlaku antara anda dengan sesiapa yang memaki hamun atau mengancam anda. Rekod itu dapat menjadi bukti jika anda perlu membuat laporan polis, atau memohon perintah perlindungan, atau hak penjagaan anak.

Anda juga dapat menyimpan rekod apa yang dikatakan, jika perbualan penting dilakukan melalui e-mel atau mesej teks.

Simpan rekod itu di tempat yang selamat supaya tidak ditemui atau dimusnahkan oleh orang yang menganiaya.

**Adakah anda terjejas oleh COVID-19?**

Penting diketahui, di bawah mana-mana sekatan COVID-19, anda masih dibenarkan meninggalkan rumah atau penginapan untuk mengelakkan bahaya atau risiko berkaitan dengan keganasan keluarga. Rujuk perinciannya di laman sesawang Kerajaan negeri/wilayah anda.

**Laman sesawang:** [australia.gov.au/states](http://australia.gov.au/states)

**Jika anda bekerja, tahukah anda hak anda sebagai pekerja?**

Tahukah anda, di bawah Fair Work Act (Akta Pekerjaan Adil), semua majikan wajib membenarkan anda mengambil cuti keganasan rumah tangga tanpa gaji dan meminta aturan kerja fleksibel? Lihat perinciannya di laman sesawang Fair Work Ombudsman.

**Laman sesawang:** [fairwork.gov.au/leave/family-and-domestic-violence-leave](http://fairwork.gov.au/leave/family-and-domestic-violence-leave)

Jika perlu bantuan untuk membayar atau menyiapkan penyata cukai pendapatan, bantuan disediakan oleh Australian Taxation Office (Pejabat Cukai Australia).

**Laman sesawang:** [ato.gov.au/General/Support-in-difficult-times/Personal-crisis-support/#Familyanddomesticviolence](http://ato.gov.au/General/Support-in-difficult-times/Personal-crisis-support/#Familyanddomesticviolence)

**Adakah anda perlu bantuan bagi menguruskan kewangan anda?**

Kaunselor kewangan menawarkan khidmat percuma, berdikari dan rahsia supaya anda dapat bangkit semula, serta membincangkan pelbagai pilihan pengurusan hutang.

Untuk berbincang dengan kaunselor kewangan, hubungi National Debt Helpline (Talian Bantuan Hutang Negara) 1800 007 007. Talian percuma ini dibuka 9:30 pagi hingga 4:30 petang Isnin hingga Jumaat. Alat dan sumber lain juga tersedia dalam talian di laman sesawang National Debt Helpline.

**Laman sesawang:** [ndh.org.au/](http://ndh.org.au/)

**Jika anda pelajar, tahukah anda khidmat sokongan yang disediakan?**

Institusi pendidikan Australia berbangga menyediakan pengalaman belajar yang ramah, mesra dan menyokong bagi pelajar antarabangsa.

Terdapat pelbagai perkhidmatan pakar untuk membantu anda.

**Laman sesawang:** [studyaustralia.gov.au/english/live/support-services](http://studyaustralia.gov.au/english/live/support-services)

**Tahukah anda di mana mendapatkan penerangan tentang khidmat sokongan yang lain?**

Terdapat banyak khidmat sokongan di peringkat negara, negeri dan wilayah bagi keganasan rumah tangga dan keluarga.

Kaunseling percuma melalui telefon dan dalam talian boleh didapati melalui National Sexual Assault, Domestic and Family Violence Counselling Service (Khidmat Kaunseling Serangan Seksual, serta Keganasan Rumah Tangga dan Keluarga). Hubungi 1800 737 732.

Australian Red Cross (Palang Merah Australia) dapat memberi sokongan kewangan bagi mereka yang layak, yang masuk dengan visa sementara dan mengalami masalah kewangan. Layari Domestic Violence Financial Assistance Program (Program Bantuan Kewangan Keganasan Rumah Tangga) untuk mendapatkan penerangan. Mereka juga mungkin merujuk anda kepada khidmat sokongan undang-undang dan migrasi, jika perlu.

**Laman sesawang:** [redcross.org.au/get-help/help-for-migrants-in-transition/family-and-domestic-violence-financial-assistance](https://redcross.org.au/get-help/help-for-migrants-in-transition/family-and-domestic-violence-financial-assistance)

*Apabila melihat simbol jurubahasa, anda boleh meminta bantuan untuk berkomunikasi dalam bahasa pilihan anda.*

